



POLISI DAN PANDUAN PENGGUNAAN

UMT INSTITUTIONAL REPOSITORY (UMT-IR)

(REPOSITORI DATA INSTITUSI)

ISI KANDUNGAN

HALAMAN

| | | |
|----|--|-----------------|
| 1. | Pengenalan kepada polisi Repozitori Data..... | MS. 3 |
| | i. Polisi koleksi bahan..... | MS. 3 – MS. 4 |
| | ii. Polisi dan lesen muatnaik bahan..... | MS. 4 – MS. 5 |
| | iii. Polisi akses dan penyingkiran bahan..... | MS. 5 – MS. 6 |
| | iv. Polisi perubahan maklumat bahan..... | MS. 6 |
| | v. Polisi kerahsiaan..... | MS. 6 |
| | vi. Polisi pemuliharaan bahan..... | MS. 6 |
| | vii. Polisi kelayakan akses mengikut kategori Pengguna..... | MS. 7 – MS. 9 |
| | viii. Tanggungjawab dan hak PSNZ..... | MS. 10 |
| | ix. Polisi format bahan..... | MS. 11 – MS. 13 |
| | x. Polisi muatnaik bahan sebelum diterbitkan..... | MS. 14 |
| 2. | Pengenalan kepada UMT-IR | MS. 15 – MS. 16 |
| 3. | Modul pengguna..... | MS. 17 |
| | i. Penerangan kepada fungsi setiap button..... | MS. 17 – MS. 18 |
| | ii. Kaedah pencarian bahan..... | MS. 19 – MS. 24 |
| | iii. Tatacara log masuk kepada UMT-IR..... | MS. 25 – MS. 26 |
| | iv. Kaedah muatnaik bahan..... | MS. 27 – MS. 31 |
| | v. Kaedah membuat permohonan akses bagi bahan yang dilarang..... | MS. 32 |
| 4. | Modul Editor (Penyunting)..... | MS. 33 |
| | i. Semakan bahan yang dimuatnaik..... | MS. 33 – MS. 35 |

1. PENGENALAN KEPADA POLISI REPOSITORY DATA

Polisi Universiti Malaysia Terengganu *Institutional Repository* (UMT-IR) pertama kali telah dibentangkan pada tahun 2009 di dalam mesyuarat pengguna perpustakaan dan telah dipersetujui supaya polisi ini digunakan sebagai panduan kepada pembangunan koleksi digital bagi memastikan kandungan koleksi bahan digital dapat dipelihara dengan baik.

Koleksi digital di PSNZ ini telah bermula pada tahun 2008 dengan skala kecil sahaja memandangkan kemudahan dan prasarana masih lagi di peringkat permulaan dan memerlukan banyak usaha. Namun begitu ianya terus berkembang dari tahun ke tahun seterusnya menjadikan koleksi ini sebagai koleksi utama rujukan kepada perpustakaan.

Sesuai dengan perkembangan ini, pihak perpustakaan telah merancang supaya perlunya ada satu polisi dan panduan di dalam memastikan koleksi bahan digital terus dipelihara serta dikawal bagi mengelakkan sebarang kemungkinan pada masa akan datang.

i. Polisi koleksi bahan

Berikut adalah penerangan bagi polisi yang telah ditetapkan oleh UMT-IR. Setiap bahan yang dimuatnaik hendaklah memenuhi polisi yang telah ditetapkan. Ketidakpatuhan kepada polisi ini akan menyebabkan bahan tidak akan dipaparkan.

i. Jenis bahan

Kandungan bahan didalam UMT-IR ini mestilah bersesuaian dengan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) terutama sebagai rujukan didalam pengajaran dan pembelajaran. Bahan-bahan ini didapati daripada pengkaji universiti, pensyarah, pelajar dan kakitangan bukan akademik. Jenis-jenis bahan adalah seperti berikut:

- Bahan daripada penerbitan universiti
- Laporan projek/teknikal
- Tesis dan disertasi
- Buku
- Nota kuliah dan persembahan
- Dataset

Bagi meningkatkan lagi jumlah koleksi didalam UMT-IR ini, bahan-bahan arkib turut dimasukkan yang mana mempunyai nilai kepada universiti. Koleksi Arkib yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

- Koleksi keratan akhbar
- Fail-fail arkib
- Koleksi gambar
- Laporan pentadbiran
- Laporan tahunan
- Kompilasi data universiti
- Minit/agenda Mesyuarat

Disamping itu juga, bahan yang dihasilkan oleh pengguna luar sekiranya mempunyai nilai rujukan pengajaran juga boleh diterima untuk dijadikan koleksi UMT-IR. Bahan-bahan ini biasanya diminta, dipungut, diberma atau yang dikenal pasti oleh universiti, penyelidik, pensyarah, kakitangan dan pelajar untuk dijadikan sebagai koleksi. Contoh kandungan tersebut termasuk:

- Dataset
- Buku elektronik dan multimedia
- Bahan yang diterima daripada program/acara/bengkel/seminar/kursus/konferen
- Bahan penyelidikan dalam apa-apa format
- Dan apa-apa bahan yang dirasakan sesuai bagi rujukan pengajaran

ii. Format

UMT-IR menyokong lebih daripada 40 format bahan. Namun begitu sekiranya pengguna mempunyai bahan format yang lain yang tidak disediakan didalam sistem, penambahan format bahan boleh diminta dengan menghubungi pihak pentadbir UMT-IR.

iii. Saiz

Saiz bagi setiap bahan yang dimuatnaik hendaklah dipastikan kurang atau tidak lebih daripada 1 Gigabait (GB). Ini adalah kerana pihak perpustakaan mempunyai kapasiti storan yang agak terhad. Sekiranya pengguna ingin membuat permintaan untuk bahan yang mempunyai kapasiti saiz yang lebih besar boleh menghubungi pihak pentadbir UMT-IR.

iv. Pemilikan/harta intelek

Pemilikan penuh kepada bahan yang dimuatnaik didalam UMT-IR ini adalah kepada pengarang kepada bahan tersebut. Namun begitu berdasarkan beberapa keadaan, Perpustakaan mempunyai kuasa/hak ke atas bahan yang dimuatnaik mengikut kepada polisi yang telah dipersetujui.

ii. Polisi dan Lesen muatnaik bahan

Bahan yang akan dimuat naik hendaklah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Syarat tersebut adalah:-

- Sebahagian atau keseluruhan bahan mestilah ditaja oleh Universiti Malaysia Terengganu (UMT), penyelidik, kakitangan, atau pelajar
- Bahan hendaklah menyokong pengajaran dan pembelajaran Universiti dan memenuhi *dasar koleksi kandungan*
- Bahan hendaklah didalam format digital
- Bahan hendaklah lengkap dan bersedia untuk dibuat pengedaran dan pengarang/pemilik mestilah bersetuju untuk memuatnaik di dalam UMT-IR
- Bahan mestilah tidak mempunyai apa-apa maklumat sulit, maklumat hak milik orang lain dan bukan maklumat sebenar bahan
- Bahan tiada sekatan daripada pusat pengajian dan dibenarkan untuk dimuatnaik didalam UMT-IR

- Maklumat bahan yang dimuatnaik mestilah tepat dan menggambarkan kandungan bahan tersebut
- Pengarang/pemilik bahan mestilah bersedia mematuhi polisi muatnaik bahan yang ditetapkan

i. Polisi muatnaik bahan

Pengguna yang memuatnaik bahan didalam UMT-IR mestilah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Syarat-syarat tersebut adalah:

- Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah (PSNZ) boleh mengubah bahan kepada mana-mana medium atau format, dan membuat salinan penyerahan, bagi tujuan keselamatan, back-up, dan pemeliharaan;
- Hanya pengguna perpustakaan yang telah ditetapkan layak untuk memuatnaik bahan didalam UMT-IR
- PSNZ boleh menghasilkan semula, menterjemah dan atau mengedarkan dan membuat penyerahan di seluruh dunia;
- Pengguna yang memuatnaik bahan didalam UMT-IR secara tidak langsung telah memberikan kebenaran untuk mengurus bahan tersebut berdasarkan kepada polisi perpustakaan yang telah ditetapkan;
- Bahan tidak melanggar hak cipta orang lain;
- Sekiranya anda bukan pemegang hakcipta bahan yang dimuatnaik, anda perlulah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran daripada pemilik sebenar bagi memberikan PSNZ hak-hak yang diperlukan bagi bahan tersebut;
- Jika bahan atau hasil kerja yang dimuatnaik terikat dengan kontrak penajaan daripada agensi atau organisasi, anda perlulah mematuhi syarat penajaan yang ditetapkan

Bahan yang dimuatnaik akan dikekalkan hak cipta kepada pengarang/pemilik bahan tersebut. Perpustakaan akan memastikan nama sebagai pengarang atau pemilik dan tidak akan membuat apa-apa perubahan selain telah mendapat kebenaran daripada pengarang/pemilik asal bahan. Lihat teks lengkap dengan *UMT-IR Deposit License* untuk maklumat lanjut.

iii. Polisi akses dan penyingkiran bahan

Peranan PSNZ adalah menyediakan akses yang stabil dalam tempoh jangka masa yang panjang kepada setiap kandungan digital didalam UMT-IR ini. Kebiasaanya, bahan yang disimpan di dalam UMT-IR akan diakses secara terbuka di seluruh dunia melalui Web.

Di bawah keadaan tertentu, sekatan atau sekatan sementara ke atas akses terbuka bagi beberapa jenis koleksi akan dikenakan bergantung kepada polisi perpustakaan. Lihat polisi akses mengikut kategori koleksi dan pengguna

i. Polisi penyingkiran bahan

Penyingkiran bahan boleh dilakukan daripada UMT-IR sekiranya:-

- Permintaan daripada pengarang/pemilik bahan tersebut.
- Terikat dengan perintah undang-undang
- Melanggar dasar dan polisi perpustakaan

Permintaan untuk mengeluarkan bahan haruslah dimaklumkan kepada Pentadbir UMT-IR dengan menyertakan sebab-sebab untuk penyingkiran.

iv. Polisi perubahan maklumat bahan

Bahan yang dimuatnaik tidak akan dibuat perubahan maklumat keatasnya. Namun begitu sekiranya bahan didadpati terdapat dari segi kesalahan maklumat, pihak perpustakaan mempunyai kuasa untuk memperbetulkan kesalahan tersebut.

Sekiranya pemuatnaik bahan ingin membuat kemaskini maklumat bahan, perlulah berhubung dengan pihak pentadbir UMT-IR dan memberikan penjelasan supaya sebarang perubahan haruslah betul dan tepat dengan bahan yang dimuatnaik.

v. Polisi kerahsiaan

Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah sentiasa komited didalam menjamin privasi bahan yang dimuatnaik. Setiap kerahsiaan bahan akan dijaga berdasarkan kepada polisi perpustakaan.

vi. Polisi pemuliharaan bahan

Bagi menampung bahan didalam UMT-IR, pihak perpustakaan telah menyediakan satu storan bagi tujuan pemeliharaan bahan didalam bentuk digital. Bahan-bahan ini akan dibuat salinan dan disimpan didalam format TIF bagi tujuan sokongan sekiranya terdapat permasalahan pada masa akan datang.

Cadangan format bahan diberikan bagi memberikan petunjuk kepada pengguna yang memuatnaik bahan

Bagi memudahkan lagi pihak perpustakaan, setiap bahan yang dihantar ke perpustakaan perlulah didalam bentuk format digital supaya melancarkan lagi kerja-kerja pemuliharaan bahan.

vii. Polisi kelayakan akses mengikut kategori Pengguna

| Kategori Bahan | Kategori Pengguna | Akses |
|--|-------------------|--|
| 1. Tesis – Kakitangan Akademik/ bukan akademik/ pelajar | Dalaman | Tidak dibenarkan (perlu membuat permohonan akses) |
| | Pelajar | |
| | Pengguna Luar | |
| 2. Laporan projek- Kakitangan Akademik/ bukan akademik/ pelajar | Dalaman | Akses penuh (Penerbitan lebih dari 3 tahun) |
| | Pelajar | |
| | Pengguna | Abstrak/Preview |
| 3. Kertas soalan peperiksaan | Dalaman | |
| | Pelajar | Akses penuh |
| | Pengguna | Tidak Dibenarkan |
| 4. Penerbitan UMT | Dalaman | |
| | Pelajar | Akses penuh |
| | Pengguna | Tidak Dibenarkan |
| 5. Laporan Kerja | Dalaman | |
| | Pelajar | Akses penuh |
| | Pengguna | Tidak Dibenarkan |
| 6. E-books | Dalaman | |
| | Pelajar | Akses penuh |
| | Pengguna | Tidak Dibenarkan |
| 7. Galleri Arkib | Dalaman | Akses penuh |
| | Pelajar | Abstrak/Preview |
| | Pengguna | Tidak Dibenarkan |
| 8. Teks Ucapan | Dalaman | Akses penuh |
| | Pelajar | |
| | Pengguna | Tidak Dibenarkan |
| 9. Rekod/ Fail Jabatan | Dalaman | Akses penuh (wakil Jabatan) |
| | Pelajar | |
| | Pengguna | Tidak Dibenarkan |
| 10. <i>Film/CD/DVD/Sound/ Relics/Video Recordings</i> | Dalaman | Perlu membuat permintaan |
| | Pelajar | |
| | Pengguna Luar | Tidak Dibenarkan |

| | | |
|--|----------|--------------------------|
| 11. Brochures/Leaflets/ Newsletters/Bulletins | Dalaman | Akses Penuh |
| | Pelajar | |
| | Pengguna | |
| 12. Annual Reports | Dalaman | Akses Penuh |
| | Pelajar | |
| | Pengguna | Abstrak/sinopsis/preview |
| 13. Conferences, seminar, workshops, etc. | Dalaman | Akses Penuh |
| | Pelajar | Abstrak |
| | Pengguna | |
| 14. Foto Gallery | Dalaman | Akses Penuh |
| | Pelajar | |
| | Pengguna | Abstrak |
| 15. Koleksi PSNZ | Dalaman | Akses Penuh |
| | Pelajar | |
| | Pengguna | |

Catatan:

Kategori pengguna boleh dibahagikan kepada 4 Bahagian:

- i. Dalaman : Kakitangan akademik dan bukan akademik
- ii. Pelajar : Pelajar UMT
- iii. Pengguna Luar : Pengguna selain daripada kakitangan dan pelajar UMT

Bagi bahan yang tidak dibenarkan akses, pengguna boleh membuat permintaan akses melalui laman web pendigitalan bahan. Kelulusan permohonan adalah bergantung kepada pihak pengurusan perpustakaan.

viii. Tanggungjawab dan hak PSNZ

- Tanggungjawab pemuatnaik bahan
- Tanggungjawab dan hak Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah

i. Tanggungjawab pemuatnaik bahan adalah untuk:

- Memahami dan mematuhi Polisi UMT-IR
- Memahami hak cipta dengan jelas bagi bahan yang dimuatnaik sekiranya bahan tersebut bukan hak milik pemuatnaik
- Memberikan keterangan maklumat yang tepat dan huraian bagi kandungan bahan yang dimuatnaik dan seterusnya mengesahkan maklumat yang diberikan apabila dimuatnaik
- Bersetuju dengan polisi muatnaik bahan
- Membuat perancangan bagi kerja-kerja memuatnaik bahan didalam UMT-IR

ii. Tanggungjawab dan Hak Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah (PSNZ) ialah bersetuju:-

- Memastikan bahan di dalam UMT-IR dipelihara berdasarkan polisi perpustakaan
- Menyediakan akses yang berterusan bagi bahan yang dimuatnaik
- Membuat edaran bahan mengikut polisi perpustakaan

iii. PSNZ mempunyai hak untuk:

- Memastikan pengurusan koleksi, dasar kandungan bahan, dan aliran kerja adalah selaras dengan polisi UMT-IR
- Mengkaji, meminda, dan mengagihkan semula sebarang bahan di dalam UMT-IR
- Menyingkir atau menolak balik apa-apakah perkara yang tidak mematuhi *polisi koleksi bahan*
- Melakukan sebarang perubahan format bahan untuk memastikan pemuliharaan kandungan berdasarkan kepada *cadangan format bahan*
- Membuat rundingan semula syarat-syarat perjanjian asal bagi bahan/koleksi jika perlu

ix. Polisi format Bahan

PSNZ Data repository boleh menerima pelbagai format fail. Seperti yang dinyatakan di dalam *Polisi pemuliharaan bahan*, PSNZ sentiasa komited bagi menjamin bahan sentiasa dijaga dan dipelihara . PSNZ akan memastikan langkah-langkah yang telah ditetapkan dipatuhi bagi tujuan pemuliharaan bahan sentiasa dilakukan.

Berdasarkan kajian dan pengalaman, pemuliharaan untuk jangka masa yang panjang dapat dilakukan dengan lebih mudah sekiranya bahan tersebut mempunyai ciri-ciri berikut:

- Bahan mestilah lengkap
- Tidak terikat dengan hak cipta
- Fail tidak mempunyai program atau skrip tertentu
- Fail tiada kata laluan

Format bahan yang dicadangkan adalah seperti berikut:-

Sekiranya terdapat pertanyaan berkenaan dengan format yang sesuai digunakan boleh menghubungi pihak Pentadbir UMT-IR.

| Content | High | Medium | Low |
|---------|---|---|--|
| Text | <ul style="list-style-type: none">• Plain text (encoding: USASCII, UTF-8, UTF-16 with BOM)• XML (includes XSD/XSL/XHTML, etc.; with included or accessible schema)• PDF/A-1 (ISO 19005-1) (*.pdf) | <ul style="list-style-type: none">• Cascading Style Sheets (*.css)• DTD (*.dtd)• Plain text (ISO 8859-1 encoding)• PDF (*.pdf) (embedded fonts)• Rich Text Format 1.x (*.rtf)• HTML (include a DOCTYPE declaration)• SGML (*.sgml)• Open Office (*.sxw/*.odt)• OOXML (ISO/IEC DIS 29500) (*.docx)• Microsoft Word 2007 or newer (*.docx) | <ul style="list-style-type: none">• PDF (*.pdf) (encrypted)• Microsoft Word 2003 or older (*.doc)• WordPerfect (*.wpd)• DVI (*.dvi)• All other text formats not listed |
| Image | <ul style="list-style-type: none">• TIFF (uncompressed)• JPEG2000 (lossless) (*.jp2)• PNG (*.png) | <ul style="list-style-type: none">• BMP (*.bmp)• JPEG/JFIF (*.jpg)• JPEG2000 (lossy) | <ul style="list-style-type: none">• MrSID (*.sid)• TIFF (in Planar format) |

| | | | |
|-----------------------|--|---|---|
| | | (*.jp2) • TIFF (compressed) • GIF (*.gif) • Digital Negative DNG (*.dng) | • FlashPix (*.fpx) • PhotoShop (*.psd) • RAW • JPEG 2000 Part 2 (*.jpf, *.jpx) • All other raster image formats not listed |
| Vector Graphics | • SVG (no Java script binding) (*.svg) | • Computer Graphic Metafile (CGM, WebCGM) (*.cgm) | • Encapsulated Postscript (EPS) • Macromedia Flash (*.swf) • All other vector image formats not listed |
| Audio | • AIFF (96kHz 16bit PCM) (*.aif, *.aiff) • WAV (96kHz 24bit PCM) (*.wav) | • SUN Audio (uncompressed) (*.au) • Standard MIDI (*.mid, *.midi) • Ogg Vorbis (*.ogg) • Free Lossless Audio Codec (*.flac) • Advance Audio Coding (*.mp4, *.m4a, *.aac) • MP3 (MPEG-1/2, Layer 3) (*.mp3) | • AIFC (compressed) (*.aifc) • NeXT SND (*.snd) • RealNetworks 'Real Audio' (*.ra, *.rm, *.ram) • Windows Media Audio (*.wma) • Protected AAC (*.m4p) • WAV (compressed) (*.wav) • All other audio formats not listed |
| Video | • Motion JPEG 2000 (ISO/IEC 15444-4)??*.mj2) • AVI (uncompressed/native, motion JPEG) (*.avi) • QuickTime Movie (uncompressed/native, motion JPEG) (*.mov) | • Ogg Theora (*.ogg) • MPEG-1, MPEG-2 (*.mpg, *.mpeg, wrapped in AVI, MOV) • MPEG-4 (H.263, H.264) (*.mp4, wrapped in AVI, MOV) | • AVI (others) (*.avi) • QuickTime Movie (others) (*.mov) • RealNetworks 'Real Video' (*.rv) • Windows Media Video (*.wmv) • All other video formats not listed |
| Spreadsheet/ Database | • Character delimited text (ASCII or Unicode preferred): • Comma Separated Values (*.csv) • Delimited Text (*.txt) • SQL Data Definition Language | • OOXML (ISO/IEC DIS 29500) (*.xlsx) • Excel 2007 or newer (*.xlsx) • OpenOffice (*.sxc/*.ods) • DBF (*.dbf) | • Excel 2003 or older (*.xls) • All other spreadsheet/ database formats not listed |

| | | | |
|-------------------|--|---|---|
| Virtual Reality | <ul style="list-style-type: none"> X3D (*.x3d) | <ul style="list-style-type: none"> VRML (*.wrl, *.vrml) U3D (Universal 3D file format) | <ul style="list-style-type: none"> All other virtual reality formats not listed |
| Computer Programs | <ul style="list-style-type: none"> Uncompiled computer program source code (*.c, *.cpp, *.java, *.js, *.jsp, *.php, *.pl, *.py, etc.) | | <ul style="list-style-type: none"> Compiled / Executable files (EXE, *.class, COM, DLL, BIN, DRV, OVL, SYS, PIF) |
| Presentation | | <ul style="list-style-type: none"> OpenOffice (*.sxi/*.odp) OOXML (ISO/IEC DIS 29500) (*.pptx) PowerPoint 2007 or newer (*.pptx) | <ul style="list-style-type: none"> PowerPoint 2003 or older (*.ppt) All other presentation formats not listed |

x. Polisi muatnaik bahan sebelum diterbitkan

Dengan menandatangani dan bersetuju , anda (pengarang atau pemilik hak cipta) membenarkan Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah (PSNZ) untuk menghasilkan semula, menterjemah (seperti yang ditakrifkan di bawah), dan / atau mengedarkan bahan yang dimuatnaik (termasuk abstrak) di dalam media cetak dan elektronik dan di dalam mana-mana media yang ada atau yang akan dibangunkan, termasuk dan tidak terhad kepada bahan audio video sahaja.

Anda bersetuju bahawa PSNZ boleh tanpa mengubah kandungan, menukar bahan kepada mana-mana medium atau format untuk tujuan pemuliharaan. Anda juga bersetuju bahawa PSNZ boleh menyimpan lebih daripada satu salinan bahan yang dimuatnaik ini bagi tujuan keselamatan, sokongan dan pemuliharaan. Anda pasti bahawa bahan yang dimuatnaik ini adalah hasil kerja asal anda, dan anda mempunyai hak untuk memberikan hak-hak yang terkandung di dalam polisi ini. Anda juga pasti bahawa bahan yang dimuatnaik ini dibawah pengetahuan anda dan tidak melanggar hak cipta orang lain.

Jika bahan yang dimuatnaik ini tidak mengandungi bahan yang mana anda tidak memegang hak cipta, anda perlulah mendapatkan kebenaran tanpa had daripada pemilik hak cipta untuk memberikan PSNZ hak-hak yang diperlukan oleh polisi ini, dan pihak ketiga tersebut hendaklah jelas dimaklumkan akan perkara ini.

JIKA BAHAN YANG DIMUATNAIK INI TERIKAT DENGAN PENAJAAN ATAU DISOKONG OLEH AGENSI ATAU ORGANISASI SELAIN UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT), ANDA BERSETUJU BAHAWA ANDA TELAH MEMENUHI SEBARANG HAK KAJIAN ATAU KEWAJIPAN LAIN YANG DIPERLUKAN OLEH KONTRAK ATAU PERJANJIAN TERSEBUT.

PSNZ jelas mengenal pasti nama anda sebagai pengarang atau pemilik kepada bahan yang dimuatnaik ini, dan tidak akan membuat apa-apa perubahan, selain daripada yang dibenarkan oleh polisi ini.

Muatnaik bahan didalam *PSNZ Digital Repository* adalah terhad kepada pusat pengajian, kakitangan, pelajar dan pengguna yang telah dibenarkan oleh PSNZ.

2. PENGENALAN UMT-IR

Universiti Malaysia Terengganu *Institutional Repository* (UMT-IR) dibangunkan bertujuan untuk menyediakan satu perkhidmatan rangkaian akses kepada pelbagai koleksi digital yang mempunyai nilai penting kepada universiti.

PSNZ berusaha memperoleh, menghimpun, menyimpan, memulihara dan menyebarkan maklumat kepada pengguna dengan lebih cepat dan berkesan. Setiap bahan yang diperolehi akan diindeks dengan teliti bagi tujuan memudahkan bahan dicapai secara atas talian.

Objektif utama UMT-IR adalah:

- Menyediakan satu sistem yang lebih sistematik bagi mengurus bahan berbentuk digital
- Menyebarkan bahan yang diterbitkan oleh universiti kepada komuniti dalaman
- Meningkatkan kebolehcapaian bahan
- Memastikan bahan dipelihara dan diakses secara atas talian

Kelebihan muatnaik bahan didalam UMT-IR

Keboleh capaian

Setiap bahan yang dimuatnaik akan dapat dicapai secara terbuka dan menjadi sumber rujukan bagi setiap pengguna perpustakaan. Walaubagaimanapun, terdapat beberapa koleksi yang memerlukan kebenaran pentadbir untuk capaian kepada bahan tersebut.

Pautan yang berterusan

Setiap bahan yang dimuatnaik akan disediakan satu pautan yang mana pautan tersebut akan digunakan bagi tujuan hebahan dan perkongsian maklumat antara universiti, organisasi dan persendirian.

Pemuliharaan

Bahan yang dimuatnaik didalam **UMT-IR** ini akan dipelihara dan disimpan di dalam storan perpustakaan bagi tujuan pemuliharaan. Setiap bahan ini akan dibuat salinan bagi menghadapi sebarang kemungkinan kepada sistem perpustakaan.

Salinan yang disimpan adalah berbentuk format TIF bersesuaian dengan piawaian perpustakaan digital

Komprehensif

Sistem yang digunakan untuk membangunkan **UMT-IR** ini dapat menyokong pelbagai format bahan. Ini memberi peluang kepada pengguna perpustakaan untuk memuatnaik bukan hanya dokumen tetapi termasuk video, audio, gambar dan lain-lain format bahan.

Konteks institusi

UMT-IR adalah merupakan satu medium yang terbaik kepada pengkaji, pensyarah, kakitangan dan pelajar sebagai sumber rujukan. Setiap bahan yang terdapat didalam **UMT-IR** ini dapat diakses dimana sahaja dan bila-bila masa.

3. MODUL PENGGUNA

i. Penerangan kepada fungsi setiap button



Butang-butang Menu Utama ini digunakan untuk navigasi meliputi kesemua bahagian di dalam laman web. Kedudukan butang-butang ini di bahagian 'header' laman web bermaksud ia akan kekal berada di atas walaupun pengguna telah pergi ke paparan lain.

Butang-butang Menu Utama:

1. '**Home**' - akan membawa pengguna kembali ke laman utama.
2. **Browse** – digunakan oleh pengguna untuk meneliti koleksi-koleksi mengikut kategori yang terdapat dalam sistem ini.

A screenshot of a page titled 'Browse'. It shows a sidebar with 'Communities & Collections' and a main area with 'Browse Items by:' followed by 'Issue Date', 'Author', 'Title', and 'Subject'. A cursor points at the 'Browse' button in the header.

Bagi fungsi **Browse** pula, ia memberi pengguna navigasi yang lebih mesra pengguna bagi melihat sendiri pelbagai bahan-bahan koleksi yang tersimpan di dalam sistem ini. **Browse** memberi peluang kepada pengguna untuk mencari bahan-bahan yang diperlukan dengan lebih cepat dan mudah.

4. **Help** – Fokus utama bahagian ini adalah untuk membimbing pengguna bagi menggunakan laman web ini.
5. **Log Masuk** – Pengguna boleh mendaftar masuk menggunakan ID dan kata kunci yang disediakan mengikut kategori pengguna.

Login

Administrator
Staff
Student
Visitor

Please enter your username and password into the form below.

E-mail Address:


Password:

*Please use MyNemo username and password!

Login

Bagi pengguna dalaman kata laluan adalah sama sepetimana akses kepada portal mynemo contoh (pelajar - s1234, gsk1234, kakitangan – asmawirhaman, fadil)


Bahagian Utama Muka Depan



1. Banner – Imej yang memenuhi ruangan atas muka depan ini ialah imej yang bertindak sebagai *banner* aktiviti yang dijalankan di Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah pada waktu tertentu. Poster atau *banner* berkaitan dengan aktiviti yang sedang berlangsung atau bakal berlangsung akan dimasukkan ke dalam gambar ini yang akan bertukar-tukar gambar selang beberapa saat.

Bahagian badan muka depan dibina untuk memberi paparan awal mengenai isi kandungan sistem ini.

ii. Kaedah Pencarian Bahan




Terdapat beberapa cara dan juga kaedah bagi memudahkan pengguna didalam membuat pencarian bahan

1. Memasukkan kata kunci di ruangan "search button"

Memasukkan sebarang kata kunci atau maklumat diruangan yang disediakan seperti pada gambarajah dibawah.




Pencarian terperinci



Pengguna boleh membuat carian dengan lebih terperinci dengan menggunakan "advance search" seperti pada paparan diatas. Paparan ini dapat dilihat apabila anda membuat carian di kotak "search" pada paparan utama portal UMT-IR.

2. Pencarian menggunakan jenis koleksi, nama pengarang, tarikh, subjek dan juga tajuk

Pengguna hanya klik pada button carian yang diberikan pada paparan utama portal UMT-IR



i. Collections

“Collections” merupakan paparan bagi pengguna mencari bahan yang dikehendaki mengguna kategori bahan tersebut.

Communities and Collections

Shown below is a list of communities and the collections and sub-communities within them. Click on a name to view that community or collection home page.

- E-Book Collections [182]
 - Fakulti Sains dan Teknologi[182]
 - Jabatan Kejuruteraan [72]
 - Jabatan Matematik [43]
 - Jabatan Sains Komputer [67]

ii. Nama pengarang (Author)

Browsing by Author

Jump to: [0-9](#) [A](#) [B](#) [C](#) [D](#) [E](#) [F](#) [G](#) [H](#) [I](#) [J](#) [K](#) [L](#) [M](#) [N](#) [O](#) [P](#) [Q](#) [R](#) [S](#) [T](#) [U](#) [V](#) [W](#) [X](#) [Y](#) [Z](#)
or enter first few letters:

Order: [Ascending](#) [Descending](#) Results/Page [20](#) [50](#) [100](#)

Bagi teknik pencarian ini, pengguna boleh menggunakan nama pengarang bagi mencari bahan-bahan. Nama pengarang merupakan kriteria penting di bahagian keputusan carian. Pengguna boleh menapis nama pengarang-pengarang mengikut susunan abjad, kedudukan menaik atau menurun dan jumlah keputusan carian yang dapat dipamerkan dalam satu masa.

Browsing by Author

Jump to: [0-9](#) [A](#) [B](#) [C](#) [D](#) [E](#) [F](#) [G](#) [H](#) [I](#) [J](#) [K](#) [L](#) [M](#) [N](#) [O](#) [P](#) [Q](#) [R](#) [S](#) [T](#) [U](#) [V](#) [W](#) [X](#) [Y](#) [Z](#)
or enter first few letters:

Order: [Ascending](#) [Descending](#) Results/Page [20](#) [50](#) [100](#)

Showing results 1 to 2 of 2

| | |
|-------------------|---|
| Asmawi Abd. Malik | 1 |
| Asmawi Nordin | 1 |

Showing results 1 to 2 of 2

Nombor '[1]' di hujung nama adalah merujuk jumlah naskah yang disimpan di dalam sistem ini. Bagi pengarang yang mempunyai bahan-bahan lebih dari 1,jumlah tersebut akan ditunjukkan di hujung nama beliau.

iii. By Issue Date

Browsing by Issue Date

Jump to a point in the index: (Choose year) (Choose month) Go!
Or type in a year:

Sort by: issue date In order: Ascending Results/Page 20 Authors/Record: All Update

Bagi pengguna yang ingin mencari koleksi bahan mengikut tarikh terbitan bahan tersebut, pengguna bolehlah menggunakan fungsi yang disediakan ini. Seperti yang boleh dilihat di rajah 1.10, terdapat beberapa fungsi utama yang telah disediakan di atas.

1. *Jump to a point in the index* – di bahagian ini, pengguna boleh memilih bulan (month) dan tahun (year) bagi mencari koleksi-koleksi yang disimpan di dalam sistem ini.

Browsing by Issue Date

Jump to a point in the index: (Choose year) (Choose month) Go!

Or type in a year:

Sort by: issue date In order: Ascending Results/Page 20 Authors/Record: All Update

(Choose year)
2021
2020
2019
2018
2017
2016
2015
2014

Setelah pengguna memilih bulan dan tahun, seperti yang dapat dilihat di rajah 2.7, sistem akan secara automatik akan menapis bahan koleksi yang wujud dan hanya akan memaparkan bahan-bahan yang diterbitkan pada bulan dan tahun yang telah dinyatakan sebelum ini.

